



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 8 NOVEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5.	PERKASA INDUSTRI KELAPA ANTARABANGSA, NASIONAL, SH -22 PERKASA INDUSTRI KELAPA ANTARABANGSA, MALAYSIA MSN -ONLINE MAFI SASAR MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN INDUSTRI TANAMAN KELAPA, BERITA RTM -ONLINE PERTANIAN BESTARI MAMPU TANGANI PERUBAHAN IKLIM, UTUSAN BORNEO -ONLINE SMART AGRICULTURE WAY FORWARD TO ADDRESS CLIMATE CHANGE, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6.	30 BUBU NAGA DIRAMPAS, NASIONAL, BH -23	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Perkasa industri kelapa antarabangsa

Seramai 400 peserta seluruh negara sertai Persidangan dan Pameran Cocotech Antarabangsa ke-50

Oleh NADZARUL AMIR ZAINAL AZAM  
KUALA LUMPUR

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan kerjasama International Coconut Community (ICC) menganjurkan Persidangan dan Pameran Cocotech Antarabangsa ke-50 tahun 2022 (COCOTECH 2022) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

COCOTECH 2022 yang bertemakan *Climate Change Adaptation and Mitigation Strategy for a Resilient and Sustainable Coconut Agro-industry* berjaya menarik 400 peserta dari seluruh negara bermula hari ini sehingga 11 November.

Kali terakhir Malaysia menjadi tuan rumah bagi persidangan COCOTECH adalah pada tahun 1996.

Timbalan Menteri (I), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, COCOTECH 2022 mengetengahkan isu-isu global yang memberi impak terhadap industri kelapa dunia.

"Antaranya termasuk isu penyesuaian agronomik dan genetik kelapa terhadap perubahan iklim, pemuliharaan dan penggunaan sumber genetik kelapa.

"Persidangan ini amat penting bagi pembangunan eksport hijau produk kelapa serta kepentingan dalam meningkatkan kesihatan awam dan pencegahan penyakit," katanya ketika merasmikan majlis COCOTECH 2022 di KLCC di sini pada Isnin.

Beliau berharap diskusi dan solusi terhadap isu-isu terbabit mampu memperkukuh serta melonjakkan industri kelapa khususnya di peringkat antarabangsa.

Ujar beliau lagi, ia juga diharap memastikan industri berkenaan terus berdaya tahan dan mampan.

"Bagi Malaysia, kelapa merupakan tanaman industri keempat terpenting selepas kelapa sawit, padi dan getah.

"Jumlah keluasan tanaman seluas 84,942 hektar dan pengeluaran tahunan sebanyak 560,984 tan kelapa melibatkan



FOTO: ROSLI TAUB

Ahmad (tengah) merasmikan Persidangan dan Pameran Cocotech Antarabangsa ke-50 tahun 2022 (COCOTECH 2022) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada Isnin.



LALITH PERERA



GRACE GLADYS KITHUSI



ASEP JEMBAR MULYANA

66,000 petani," katanya.

Kerajaan melalui MAFI sentiasa memastikan kolaborasi strategik awam-swasta terutama di peringkat antarabangsa akan menjadi usaha berterusan untuk memperkukuh jenama produk tempatan di dalam dan luar negara sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi negara dalam sektor pertanian serta agromakanan.

ICC terdiri dari 20 negara pengeluar kelapa termasuk Malaysia yang menyumbang lebih daripada 90 peratus pengeluaran dan eksport kelapa dunia.

Antara negara ahli ICC ialah Federated States of Micronesia, Fiji, Filipina, Guyana, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Kiribati, Marshall Islands, Papua New Guinea, Samoa, Solomon Islands, Sri Lanka, Thailand, Timor Leste, Tonga, Vanuatu dan Vietnam.

Sementara itu, peserta COCOTECH 2022, Dr Lalith Perera yang berasal dari Sri Lanka berkata, persidangan berkenaan sangat penting dalam membincangkan masa depan industri kelapa.

"Melalui persidangan ini, para peserta dari pelbagai negara dapat berkolaborasi dan bertukar pendapat terutama mendeapan masalah perubahan iklim.

"Ia perlu dilakukan untuk *survival* industri kelapa," tuturnya.

Bagi peserta dari Kenya, Grace Gladys Kithusi pula, dia sangat teruja apabila kali pertama menyertai persidangan berkenaan.

"Saya sangat bertuah kerana dapat mengikuti persidangan ini apatah lagi apabila Kenya berdepan dengan masalah hujan sejak dua tahun lalu.

"Sanano tersebut secara langsung mengakibatkan penurunan pokok



Sebahagian peserta dari dalam dan luar negara yang menghadiri Persidangan dan Pameran Cocotech Antarabangsa ke-50 tahun 2022 (COCOTECH 2022).

kelapa sebanyak 30 peratus sekali gus," ujarnya.

Salah seorang peserta dari Indonesia, Asep Jembar Mulyana pula memberitahu, produk berasaskan kelapa perlu diberi perhatian kerana berupaya memulihara alam sekitar.

"Sebagai contoh, tempurung kelapa yang dibangunkan untuk menjadi arang, ia bukan sahaja mesra alam sekitar tetapi bertindak menyelamatkan ribuan pokok-pokok.

"Justeru, saya merasakan industri kelapa ini sangat berpotensi dan perlu diketengahkan untuk mendapat perhatian pemain-pemain antarabangsa," katanya.

Persidangan COCOTECH 2022 turut menyaksikan Malaysia membentangkan dua kertas kerja bertajuk *IoT Based Smart Irrigation System in Management of*

*Coconut Nurseries* yang disampaikan Pengarah Bahagian Kejuruteraan Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia, Airul Asmiza Khaeruddin.

Pengurus Penyelidik, United Plantations Bhd, Kandha Sritham pula membentangkan kertas kerja bertajuk *Good Agricultural Practices in Supporting Coconut Production and Industries*.

Pakar-pakar kelapa lain yang membentangkan kertas kerja termasuk Benjamin R Madrigal Jr dari Filipina, Dr Joko Purbospidari (Universiti Sam Ratulagi, Indonesia), Dr Anitha Karun (ICAR-Central Plantation Crop Research Institute (CPRCRI) India).

Sebanyak 40 ruwai pameran daripada syarikat di dalam dan luar negara berkaitan produk serta perkhidmatan kelapa turut dipamerkan sepanjang persidangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2022	MALAYSIA MSN	ONLINE	

## Perkasa industri kelapa antarabangsa



Sebahagian peserta dari dalam dan luar negara menghadiri Persidangan Pameran Kelapa Antarabangsa. © Provided by Sinar Harian



Dr Lalith Perera © Provided by Sinar Harian



Perkasa industri kelapa antarabangsa© Provided by Sinar Harian



Asep Jembar Mulyana© Provided by Sinar Harian



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah (tengah) merasmikan Persidangan dan Pameran Kelapa Antarabangsa yang diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre. Foto Sinar Harian/Rosli Talib.© Provided by Sinar Harian

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan kerjasama International Coconut Community (ICC) menganjurkan Persidangan dan Pameran

Cocotech Antarabangsa ke-50 tahun 2022 (COCOTECH 2022) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

COCOTECH 2022 yang bertemakan 'Climate Change Adaptation and Mitigation Strategy for a Resilient and Sustainable Coconut AgroIndustry' berjaya menarik 400 peserta dari seluruh negara bermula hari ini sehingga 11 November nanti.



Kali terakhir Malaysia menjadi tuan rumah bagi persidangan COCOTECH adalah pada tahun 1996.

Timbalan Menteri (I), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, COCOTECH 2022 mengetengahkan isu-isu global yang memberi impak terhadap industri kelapa dunia.

“Antaranya termasuk isu penyesuaian agronomik dan genetik kelapa terhadap perubahan iklim, pemuliharaan dan penggunaan sumber genetik kelapa.

“Persidangan ini amat penting bagi pembangunan eksport hijau produk kelapa serta kepentingan dalam meningkatkan kesihatan awam dan pencegahan penyakit,” katanya ketika merasmikan majlis COCOTECH 2022 di KLCC di sini pada Isnin.

Beliau berharap diskusi dan solusi terhadap isu-isu terbabit mampu memperkukuh serta melonjakkan industri kelapa khususnya di peringkat antarabangsa.

Ujar beliau lagi, ia juga diharap memastikan industri berkenaan terus berdaya tahan dan mampan.

“Bagi Malaysia kelapa merupakan tanaman industri keempat terpenting selepas kelapa sawit, padi dan getah.

“Jumlah keluasan tanaman seluas 84,942 hektar dan pengeluaran tahunan sebanyak 560,984 tan kelapa melibatkan 66,000 petani,” katanya.

Kerajaan melalui MAFI sentiasa memastikan kolaborasi strategik awam-swasta terutama di peringkat antarabangsa akan menjadi usaha berterusan untuk memperkukuh jenama produk tempatan di dalam dan luar negara sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi negara dalam sektor pertanian serta agromakanan.

ICC terdiri daripada 20 negara pengeluar kelapa termasuk Malaysia yang menyumbang lebih daripada 90 peratus pengeluaran dan eksport kelapa dunia.

Antara negara ahli ICC ialah Federated States of Micronesia, Fiji, Filipina, Guyana, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Kiribati, Marshall Islands, Papua New Guinea, Samoa, Solomon Islands, Sri Lanka, Thailand, Timor Leste, Tonga, Vanuatu dan Vietnam.

Sementara itu, peserta COCOTECH 2022, Dr Lalith Perera yang berasal dari Sri Lanka berkata, persidangan berkenaan sangat penting dalam membincangkan masa depan industri kelapa.

“Melalui persidangan ini, para peserta dari pelbagai negara dapat berkolaborasi dan bertukar pendapat terutama mendepani masalah perubahan iklim.

“Ia perlu dilakukan untuk survival industri kelapa,” tuturnya.

Bagi peserta dari Kenya, Grace Gladys Kithusi pula, dia sangat teruja apabila kali pertama menyertai persidangan berkenaan.

“Saya sangat bertuah kerana dapat mengikuti persidangan ini apatah lagi apabila Kenya berdepan dengan masalah hujan sejak dua tahun lalu.

“Senario tersebut secara tidak langsung mengakibatkan penurunan pokok kelapa sebanyak 30 peratus sekali gus,” ujarnya.

Salah seorang peserta dari Indonesia, Asep Jembar Mulyana pula memberitahu, produk berasaskan kelapa perlu diberi perhatian kerana berupaya memulihara alam sekitar.

“Sebagai contoh, tempurung kelapa yang dibangunkan untuk menjadi arang. Ia bukan sahaja mesra alam sekitar tetapi bertindak menyelamatkan ribuan pokok-pokok.

“Justeru, saya merasakan industri kelapa ini sangat berpotensi dan perlu diketengahkan untuk mendapat perhatian pemain-pemain antarabangsa,” katanya.

Persidangan COCOTECH 2022 turut menyaksikan Malaysia membentangkan dua kertas kerja bertajuk ‘IoT Based Smart Irrigation System in Management of Coconut Nurseries’ yang disampaikan Pengarah Bahagian Kejuruteraan Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia, Airul Asmiza Khaeruddin.

Pengurus Penyelidik, United Plantations Bhd, Kandha Sritham pula membentangkan kertas kerja bertajuk ‘Good Agricultural Practices in Supporting Coconut Production and Industries’.

Pakar-pakar kelapa lain yang membentangkan kertas kerja termasuk Benjamin R. Madrigal Jr dari Filipina, Dr Joko Purbopspidari (Universiti Sam Ratulagi, Indonesia), Dr Anitha Karun (ICAR-Central Plantation Crop Research Institute (CPRCRI) India).

Sebanyak 40 reruai pameran daripada syarikat dalam dan luar negara berkaitan produk serta perkhidmatan kelapa turut dipamerkan sepanjang persidangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2022	BERITA RTM	ONLINE	

## MAFI sasar memperkukuh pembangunan industri tanaman kelapa



**KUALA LUMPUR, 7 November-** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berhasrat menubuhkan Lembaga Kelapa khusus bagi memperkukuhkan pembangunan tanaman berkenaan.

Jelas Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, ketika ini penubuhan lembaga itu masih dalam peringkat perancangan.

"Kita ke arah untuk menubuhkan Lembaga Kelapa seperti yang kita ada sekarang ini ialah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. Ia masih dalam peringkat perancangan dan kita lakukan pelbagai program untuk kita dapatkan maklum balas daripada pihak, bukan sahaja pemegang taruh.

Kita tengah kumpul apa jua maklumat yang perlu sebelum cadangan yang akan kita angkat kepada kerajaan kelak," kata Ahmad Hamzah kepada RTM pada Pameran dan Persidangan Antarabangsa ke-50 Cocotech 2022, di ibu negara.

Tambahnya, acara tersebut bertujuan membincangkan dan mengenal pasti isu berkaitan serta cabaran dihadapi industri kelapa terutama melibatkan perubahan iklim.

Komoditi kelapa merupakan tanaman industri keempat terpenting di negara ini selepas kelapa sawit, beras dan getah.

Ia melibatkan kawasan tanaman seluas 84,942 hektar dengan lebih 66,000 petani dan pengeluaran tahunan sebanyak 560,984 tan.



(Foto FB Menteri)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2022	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## Pertanian bestari mampu tangani perubahan iklim



KUALA LUMPUR: Malaysia yakin pertanian pintar-iklim mampu menyumbang kepada kemajuan transformasi sistem pertanian bagi memastikan keselamatan makanan dalam iklim yang berubah-ubah.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah (gambar) berkata anjakan menyeluruh ke arah pemodenan diperlukan dan pertanian pintar atau pertanian jitu sememangnya jalan ke hadapan dalam menangani perubahan iklim.

Bagaimanapun, beliau berkata Malaysia mengakui bahawa menangani perubahan iklim dan keselamatan makanan tidak boleh dilakukan secara individu.

“Ia adalah kebimbangan global dan memerlukan usaha global yang dirancang oleh pelbagai kerajaan, organisasi antarabangsa, NGO, penyelidik, ahli akademik, sektor swasta, masyarakat tempatan dan individu.

“Dengan itu, Malaysia berharap untuk meneruskan kerjasama serantau dan perkongsian pintar penggubal dasar, saintis, sektor swasta, serta komuniti petani untuk melaksanakan penumpuan kemajuan teknologi, keputusan penggubalan dasar dan pengalaman perniagaan,” katanya.

Ahmad berkata demikian dalam ucapan pada pembukaan Persidangan dan Pameran Cocotech Antarabangsa ke-50 (COCOTECH 2022) selama empat hari di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini hari ini.

“Akibat perubahan iklim terhadap pertanian termasuk industri kelapa amat merugikan, dengan Malaysia mencatatkan kerugian lebih RM90 juta (US\$ 19 juta) dalam industri agromakanan tahun lepas akibat banjir yang menjejaskan 7,460 petani,” katanya.

Kelapa adalah tanaman perindustrian keempat terpenting di Malaysia selepas kelapa sawit, beras dan getah dengan jumlah keluasan tanaman 84,942 hektar dan pengeluaran tahunan sebanyak 560,984 tan membabitkan 66,000 petani.

Seperti negara pengeluar kelapa lain, kebanyakan tanaman kelapa di Malaysia diusahakan secara tradisional oleh petani kecil yang terdedah kepada faktor luaran yang memberi kesan kepada pertanian.

“Impak buruk perubahan iklim adalah satu daripada lima cabaran utama yang dikenal pasti dalam sektor agromakanan Malaysia dan disebabkan ini, kerajaan telah membangunkan hala tuju dasar untuk menangani cabaran tersebut iaitu, Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (NAP 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Keselamatan Makanan Negara 2021-2025,” katanya.



Kedua-dua dasar tersebut menggariskan tiga strategi - menggalakkan penggunaan teknologi dan automasi termasuk pendekatan pertanian pintar-iklim, mengukuhkan data tentang keselamatan makanan dan mempergiat penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi amalan pertanian alternatif yang berpotensi untuk pengeluaran makanan.

Bertemakan 'Strategi Penyesuaian dan Mitigasi Perubahan Iklim Untuk Industri Kelapa Berdaya Tahan dan Mampan, COCOTECH 2022 disertai kira-kira 400 peserta daripada Komuniti Kelapa Antarabangsa (ICC) dan bukan ahli ICC mempamerkan 40 gerai pameran kepada orang ramai. - BERNAMA



GENERAL

## Smart agriculture way forward to address climate change



07/11/2022 03:48 PM

KUALA LUMPUR, Nov 7 (Bernama) – Malaysia believes that climate-smart agriculture could contribute to the advancement of agricultural system transformation to ensure food security in a changing climate.

Agriculture and Food Industries Deputy Minister, Datuk Seri Ahmad Hamzah said a comprehensive shift towards modernisation was required, and smart farming or precision agriculture was indeed the way forward in addressing climate change.

However, he said, Malaysia recognised that addressing climate change and food security could not be done by countries individually.



"It's a global concern and requires orchestrated global efforts by various governments, international organisations, NGOs, researchers, academicians, the private sector, local communities and individuals.

"With that, Malaysia looks forward to further regional cooperation and smart partnership of policymakers, scientists, the private sector, as well as the farming community to implement the convergence of technological advancement, policymaking decisions and business experiences."

Ahmad said this in his keynote address at the opening of the four-day 50th International Cocotech Conference and Exhibition 2022 (COCOTECH 2022) at the Kuala Lumpur Convention Centre, here, today.



"The consequences of climate change on agriculture including the coconut industry are devastating, where Malaysia recorded more than RM90 million (USD 19 million) in losses of its agro-food industry last year due to floods that affected 7,460 farmers," he added.

Coconut is the fourth most important industrial crop in Malaysia after palm oil, rice and rubber with a total planted area of 84,942 hectares and annual production of 560,984 tonnes, involving 66,000 farmers.

Like other coconut-producing countries, most of the coconut crops in Malaysia are cultivated traditionally by small farmers who are vulnerable to external factors that have impacts on agriculture.

"The adverse impact of climate change is one of five key challenges identified in Malaysia's agro-food sector and due to this, the government has developed a policy direction to address the challenges, namely, the National Agro-Food Policy 2021-2030 (NAP 2.0) and National Food Security Policy Action Plan 2021-2025," said Ahmad.

Both policies highlight three strategies - promoting the adoption of technology and automation including climate-smart agriculture approaches, strengthening the data on food security and intensifying research, development, commercialisation, and innovation of potential alternative agriculture practices for food production.

With the theme of 'Climate Change Adaptation and Mitigation Strategy For A Resilient and Sustainable Coconut Industry, COCOTECH 2022 which has about 400 participants from the International Coconut Community (ICC) and non-ICC members, is showcasing 40 exhibition booths to the public.

- BERNAMA





Anggota Maritim Malaysia merampas bubu naga di barat daya Pantai Teluk Malas, Penaga, petang kelmarin. (Foto ihsan Maritim Malaysia)

## 30 bubu naga dirampas

**Georgetown:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) merampas 30 bubu naga dekat Penaga di sini.

Rampasan dilakukan ketika rondaan Op Pertiwi pada kedudukan kira-kira 0.8 batu nautika barat daya Pantai Teluk Malas, Penaga pada jam 4.40 petang kelmarin.

Pengarah Maritim Malaysia (Pulau Pinang), Kapten Maritim Abd Razak Mohamed, berkata anggota mengesan pelampung penanda yang mencurigakan di

dua lokasi di perairan itu.

### Nilai rampasan RM3,600

Katanya, menerusi pemeriksaan berjaya menemukan 30 bubu naga yang dipasang individu tidak bertanggungjawab.

"Semua bubu naga yang dirampas itu dianggarkan bernilai RM3,600.

"Barangan yang dirampas dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin Batu Uban bagi tindakan lanjut," katanya semalam.

Abd Razak berkata, pengguna-

an bubu naga diharamkan kerana merosakkan ekosistem marin dan menjejaskan sumber pendapatan nelayan lain.

Katanya, pemilik bubu naga boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

"Jika disabit kesalahan, individu itu boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.